

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**KAWASAN : KLANG**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN : 16**

**SOALAN**

**YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesudian Kementerian untuk menjalankan kajian kos-faedah (*cost-benefit analysis*) termasuk implak hak asasi manusia dalam konteks *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Apakah status perundingan perjanjian ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) adalah merupakan satu usaha negara-negara ASEAN untuk mempertingkat integrasi dan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga rakan-rakan dialog. Rundingan RCEP dibuat berlandaskan perjanjian-

perjanjian perdagangan bebas sedia ada ASEAN dengan rakan-rakan dialog iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

2. Keputusan untuk merundingkan RCEP tidak diputuskan sewenang-wenangnya oleh negara-negara ASEAN, termasuk juga Malaysia. Dua kaji selidik integrasi ekonomi melibatkan ASEAN+3 dan dua kaji selidik integrasi ekonomi ASEAN+6 telah dijalankan dan hasilnya telah dibentangkan di peringkat Ketua-Ketua Negara. Proses ini telah mengambil masa tiga tahun iaitu dari 22 Julai 2006 sehingga 3 Julai 2009. Kajian-kajian ini secara amnya menyarankan bahawa integrasi ekonomi ASEAN+3 dan ASEAN+6 akan menyumbang kepada peningkatan pembangunan ekonomi rantau ini. Ketua-Ketua Negara ASEAN juga bersetuju bahawa konsep integrasi ASEAN+6 yang merangkumi India perlu dilakukan memandangkan India adalah merupakan satu pasaran yang sedang membangun dan amat bernilai bagi rantau ASEAN.
3. ASEAN telah mengambil langkah untuk hanya memulakan rundingan RCEP pada tahun 2013 setelah semua rundingan dengan keenam-enam rakan FTA ASEAN dalam RCEP, melalui Perjanjian ASEAN+1 dimuktamadkan. Ini adalah bagi memastikan ASEAN mempunyai asas yang kukuh untuk mengadakan rundingan RCEP. Setelah perlaksanaan kesemua FTA ASEAN+1, didapati bahawa wujudnya keperluan untuk menyelaraskan kesemua FTA tersebut memandangkan terdapatnya kesalinghubungan perdagangan dan pelaburan di antara kesemua negara-negara perunding RCEP. Hal ini adalah selari dengan maklumbalas yang diterima daripada sektor swasta sebagai pengguna utama FTA tersebut.

Sektor swasta berpandangan penyelarasan kesemua FTA tersebut adalah perlu dalam memastikan keseragaman peraturan dan prosedur berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan bagi mengurangkan kos perniagaan. Mereka juga turut mengutarakan keperluan untuk mengurangkan halangan perdagangan bukan tarif yang masih wujud di kalangan ASEAN+6.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Antara faedah-faedah RCEP kepada Malaysia adalah:

- (i) Peraturan-peraturan dan prosedur yang berbeza di bawah setiap FTA ASEAN dapat diselaraskan dengan lebih teratur. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikuti prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN. Ini melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;
- (ii) Peluang untuk memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah dari pelbagai sumber negara boleh digunakan dalam perkiraan bagi pematuhan kepada Peraturan Tempasal (*Rules of Origin – ROO*). ROO merupakan penentu sama ada produk yang dihasilkan dapat menggunakan bahan mentah dan input daripada negara-negara ahli RCEP. Ini adalah penting untuk memastikan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara RCEP dan layak menikmati faedah penurunan dan pemansuhan tarif di bawah RCEP;

- (iii) Memfasilitasi integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rantaian nilai global (*global supply chain*) merupakan satu keperluan bagi syarikat-syarikat dirantau ini untuk lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan seterusnya berkembang menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);
- (iv) RCEP melibatkan negara Republik Rakyat China dan India yang kini mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan ini akan memberi peluang bagi Malaysia dan negara-negara ASEAN lain untuk memperluaskan peluang eksport barang dan perkhidmatan di kedua-dua pasaran berkenaan. Pada masa ini belum ada sebarang perjanjian perdagangan bebas yang menghubungkan kedua-dua negara besar ini kecuali RCEP; dan
- (v) Malaysia juga akan menikmati akses dan liberalisasi pasaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka FTA ASEAN. Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana masih terdapat peluang pasaran eksport yang masih lagi belum diakses sepenuhnya kepada produk-produk kepentingan eksport Malaysia.

5. Setakat Oktober 2017, sebanyak 20 pusingan rundingan telah dijalankan. Mesyuarat berkaitan RCEP yang seterusnya akan diadakan pada bulan November dan akan turut melibatkan Menteri-menteri dan Pemimpin-pemimpin negara RCEP. Negara-negara RCEP komited untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada akhir tahun 2017 namun perkara

ini bergantung kepada perkembangan rundingan dan fleksibiliti setiap negara perunding. Pada masa ini, dari segi skop rundingan, RCEP tidak merangkumi isu-isu seperti Alam Sekitar dan Buruh.

6. Untuk makluman, masih lagi wujud sebilangan isu-isu tertunggak dalam perundingan dan kebanyakannya daripada isu ini adalah bersifat teknikal dan negara-negara ahli RCEP memerlukan lebih masa untuk memperdalam kefahaman dalam artikel-artikel tertentu. Sehubungan itu, Menteri-menteri telah mengarahkan agar Negara-negara Ahli RCEP terus berusaha keras untuk mencapai kata sepakat dalam dokumen sasaran dan saranan seperti yang dipersetujui dan terkandung di dalam *RCEP Key Elements for Significant Outcomes by End of 2017*.

25

**SOALAN ( 17 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**

**SOALAN :-**

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan dasar 'carve out and compete' dalam Agenda Pemerkasaan Bumiputera (BEA) yang telah dilancarkan pada September 2013 dan sejauh mana dasar ini memberikan impak yang besar kepada ekonomi Bumiputera.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada 26 Julai 2012, mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera (MTAB) ketiga yang kini dikenali sebagai Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah meluluskan polisi *Carve Out & Compete* bagi setiap projek mega samada yang belum atau yang telah dilaksanakan. Dasar *Carve Out & Compete* yang telah diluluskan bertumpu kepada dasar keutamaan yang mestilah diberikan kepada Bumiputera dan Syarikat Bumiputera yang berkelayakan harus bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan kontrak bagi projek berkenaan dan pemilihan akan dibuat berdasarkan merit.

Pada fasa permulaan, Program *Carve Out & Compete* yang dilaksanakan oleh TERAJU bertujuan untuk memastikan penyertaan Bumiputera bagi setiap projek mega bernilai RM500 juta ke atas. Pelaksanaan melalui program *Carve Out & Compete* adalah dengan

memperuntukkan sebahagian daripada nilai kos dibangunkan oleh syarikat Bumiputera. Inisiatif ini diterajui enam prinsip rancangan Transformasi Ekonomi Bumiputera iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berdasarkan merit, ketelusan, daya saing, pro pertumbuhan dan mapan.

Sehingga September 2017, melalui program *Carve-out & Compete*, sebanyak RM61.13 bilion penciptaan peluang telah direkodkan daripada pelaksanaan 15 inisiatif Carve Out & Compete yang melibatkan 14 buah projek dan 9 organisasi pelaksana, dengan kos keseluruhan bernilai lebih RM127 billion. Sejumlah RM51.87 billion nilai kontrak telah dianugerahkan kepada 171 syarikat-syarikat kontraktor Bumiputera dan telah mencipta sebanyak 5000 peluang pekerjaan baru.

Kini, model baru inisiatif Carve Out & Compete telah diperkenalkan pada tahun 2016 berbentuk penciptaan peluang di dalam ruang niaga runcit. Projek pertama yang menggunakan model ini ialah projek MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK). Sebanyak 51% atau 21 premis perniagaan daripada keseluruhan ruang niaga yang terdapat di stesen MRT Laluan SBK telahpun ditawarkan kepada usahawan Bumiputera

untuk menjalankan perniagaan. Model baru ini telah memberi peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera termasuk dari kalangan syarikat kecil dan sederhana dalam industri peruncitan untuk beroperasi di ruang-ruang perniagaan yang disediakan di setiap stesen-stesen MRT seterus dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan kaum Bumiputera di dalam peruncitan.

Sekian, terima kasih.

9 November 2017

29

**SOALAN ( 18 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 [ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**

**[ BANDAR TUN RAZAK ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah hasil sebarang kajian komprehensif dan pelan tindakan terperinci Kerajaan Persekutuan mengenai semua aspek berkaitan 'urban living' khususnya jaminan keselamatan awam, makanan, kesihatan, pendidikan, kewangan, mobiliti, tenaga, air dan alam sekitar memandangkan 70% - 80% Malaysia dijangka diurbanisasikan menjelang 2030.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Tuan Yang DiPertua,

Dalam merealisasikan kesejahteraan rakyat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang merangka Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB) dengan melihat keperluan dan kehendak rakyat bandar secara inklusif dan holistik merangkumi aspek sosial, ekonomi, pembangunan fizikal dan kemampuan alam sekitar untuk memastikan rakyat bandar hidup dengan selesa dan sejahtera. Pelaksanaan pelan ini adalah berpaksikan kepada aspirasi untuk mewujudkan kehidupan di bandar yang sejahtera. Pelan ini memberi fokus kepada lapan (8) teras utama iaitu:

- (i) **Teras 1:** Modal Insan Bandar Bersahsiah Tinggi
- (ii) **Teras 2:** Ekonomi Rakyat Bandar yang Berdaya Tahan
- (iii) **Teras 3:** Perumahan Bandar yang Mampan

- 31
- (iv) **Teras 4:** Pengangkutan Bandar yang Efisien dan Mampu Tanggung
  - (v) **Teras 5:** Kemudahan Awam Bandar yang Mudah Akses, Berkualiti dan Menyeluruh
  - (vi) **Teras 6:** Masyarakat Bandar yang Harmoni dan Selamat
  - (vii) **Teras 7:** Persekutaran Bandar Hijau, Bersih dan Sihat
  - (viii) **Teras 8:** Tadbir Urus Bandar yang Baik

Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian telah pun memulakan beberapa program seperti My Beautiful Neighborhood atau MyBN bertujuan menyemai semangat kejiranan terhadap masyarakat bandar sebagai langkah untuk mengatasi masalah sosial dalam bandar. Dalam masa yang sama, skim perumahan juga dirancang untuk masa hadapan supaya taman perumahan ini memberikan kemudahan kepada tiga golongan iaitu kanak-kanak, belia dan juga golongan warga emas dan OKU. Sebagai contoh diadakan kemudahan nurseri dan taska serta kemudahan tempat riadah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, negara kita juga telah pun melaksanakan beberapa program di peringkat antarabangsa seperti Sustainable Development Goals (SDG), Conference of Parties 21, Paris Agreement dan yang terbaru adalah perlaksanaan Dokumen Agenda Perbandaran Baharu yang telah diterima pakai oleh kerajaan semasa Persidangan Ke-3 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan, United Nations Conference on Housing and Sustainable Urban Development (Habitat III) di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017